



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Jeed juara *Ikon Siarawan* 2016

Oleh **MOHD. HAIKAL ISA**
Foto **FARID JANUDIN**

SELEPAS tiga bulan bersiaran, program realiti *Ikon Siarawan* 2016 musim ketiga akhirnya menjulang peserta wanita kelahiran Segamat, Johor, Jeed Zulkelfi, 28, sebagai juara. Kemenangan berkenaan sekali gus melayakkan graduan Sarjana Muda Komunikasi Massa dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM20,000 berserta trofi selain kontrak mengendalikan rancangan di Radio Televisyen Malaysia (RTM).

INFORMASI

■ Dihoskan oleh Farish Aziz, *Malam Anugerah Ikon Siarawan* 2016 yang dipancarkan secara langsung di saluran TV2 turut diserikan dengan persembahan penyanyi hebat seperti Maya Karin, Zahid dan RJ.

Rezeki

Terkejut dengan kemenangan tersebut, Jeed sememangnya tidak menyangka bergelar juara memandangkan finalis lain turut mempamerkan usaha dan prestasi terbaik pada peringkat akhir.

"Alhamdulillah, sebenarnya saya menjangkakan peserta lain seperti Andy akan menang kerana selama ini dia meraih sokongan luar biasa daripada penonton.

"Bagaimanapun ternyata rezeki ini milik saya. Kemenangan ini akan membakar semangat saya untuk terus mencipta

nama sebagai seorang pengacara serba boleh pada masa akan datang," ujarnya usai *Malam Anugerah Ikon Siarawan* 2016, Sabtu lalu yang bertempat di Auditorium Perdana Angkasapuri, Kuala Lumpur. Menjadikan

pengacara handalan, Datin Seri Normala Samsudin sebagai idola, Jeed menonjol dalam ketiga-tiga tugas akhir menerusi segmen *Debat Khas*, *Bual Bicara Misteri* dan *Ujian IQ*.

Menariknya, corak penyampaian bersahaja Jeed ketika segmen *Bual Bicara Misteri* bersama artis jemputan Saiful Apek mendapat sorakan gemuruh penonton, selain turut mendapat pujian juri yang terdiri daripada Datin Yusanani Yushak dan Syed Munawar Syed Mustar selaku juri tetap serta tiga juri jemputan lain, Prof. Madya Razak Mohaideen, Awal Ashaari dan Muis Shafie.

SEBAGAI hadiah kemenangan dalam *Ikon Siarawan*, Jeed turut menerima mandat mengendalikan program berjudul *Interzone* terbitan RTM.



BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Mengulas mengenai perancangan selepas diangkat sebagai Ikon Siarawan

2016, Jeed memasang impian menjadi pengacara yang versatil walaupun mempunyai kecenderungan mengendalikan program berbentuk hiburan.

“Bidang pengacaraan adalah perkara yang sudah sebatik dalam diri saya. Untuk terus menjadi seorang pengacara yang baik, saya rela menggalas tanggungjawab dalam sahaja bentuk program

“Namun, jika diberi pilihan, saya mahu mengendalikan sebuah rancangan berbentuk hiburan,” katanya yang akan diberi peluang mengacarakan program bual bicara berjudul *Interzone* sebagai hadiah kemenangan daripada RTM.

Sementara itu, di tempat kedua dengan hadiah berupa wang tunai bernilai RM15,000, Andy Reza, 23, yang berasal dari Selangor berpuas hati dengan kemenangan tersebut dan menyifatkan ia

sebagai sesuatu yang tidak dijangka dan bonus.

“Sejujurnya, saya tidak menjangkakan sebarang kemenangan. Berjaya masuk ke peringkat akhir sudah memadai buat saya,” luahnya yang merupakan graduan Diploma Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kata Andy, sepanjang berada dalam program *Ikon Siarawan* dia telah belajar banyak perkara, terutama selok-belok bidang pengacaraan yang menjadi minatnya sejak dari bangku persekolahan.

“Saya pernah tersingkir sebelum memasuki peringkat separuh akhir, namun diberi peluang untuk bertanding semula. Sejak itu, saya bekerja keras untuk membuktikan kemampuan sebenar.

“Mengacara memang menjadi minat utama saya. Di universiti, saya selalu menjadi pengacara pada majlis-majlis formal anjuran pihak universiti. Daripada situ saya mula mengasah bakat,” ceritanya.

Pemilik ijazah dalam jurusan undang-undang, peserta kelahiran Sarawak, Doria Rachel Jolly pula berada di tempat ketiga dengan hadiah kemenangan berjumlah wang tunai bernilai RM10,000 berserta trofi. Dua finalis lain, Syafik Jalil dan Qis Elias masing-masing pulang dengan hadiah saguhati iaitu RM5,000 setiap seorang berserta trofi.



JUARA Ikon Siarawan 2016, Jeed (tengah) bersama pemenang tempat kedua, Andy Reza (kanan) dan pemenang tempat ketiga Doria (kiri) pada Malam Anugerah Ikon Siarawan 2016, Sabtu lalu.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

